

Headline	<b>IPT apex diumum dalam bajet</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>27. Aug 2008</b>	Page No	<b>13</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>112 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>	AdValue	



# IPT apex diumum dalam bajet

Hanya sebuah universiti dipilih perintis program

Oleh Syuhada Choo Abdullah  
choo@harian.com.my

**S**ERDANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan mengumumkan sebuah universiti terpilih merintis program apex yang bakal melonjakkan kecemerlangannya sehingga ke peringkat antarabangsa, pada pembentangan Bajet 2009, Jumaat ini.

Menyatakan demikian, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata ia adalah harapan kementeriannya selepas menyenaraikan pendek empat daripada sembilan universiti yang memohon pemilihan untuk program landasan pantas itu.

Beliau berkata, universiti dikenal pasti itu akan bertanggungjawab mencapai kedudukan 200 institusi pengajian tinggi (IPT) terbaik dunia menjelang 2010 dan dalam lingkungan tangga 50 teratas pada 2020 seperti saran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

"Universiti itu akan mempunyai satu perjalanan transformasi ke arah menjadi elit. Satu perjalanan yang menantang bagi universiti," kata dia selepas menyampaikan amanat kemerdekaan Kementerian Pengajian Tinggi di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Akhirnya sebelum ini melaporan sembilan universiti yang memohon pemilihan program apex meliputi tujuh IPT awam (IPTA) dan dua swasta (IPTS) dan daripada jumlah itu, kementerian menyenaraikan pendek empat universiti penyelidikan, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) serta UPM.

Ketika ini, Mohamed Khaled berkata, lima universiti tempatan iaitu UM, USM, UKM, UPM dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), berada dalam kedudukan 500 universiti terbaik dunia hasil penarafan Times Higher Education Supplement (THEs).

Walaupun ada 30,000 universiti di seluruh dunia, beliau berkata, kerajaan ingin



**“Kita tidak khuatir untuk dinilai manapun sistem yang diwujudkan negara lain walaupun kriterianya pelbagai dan berbeza”**

**Mohamed Khaled Nordin**  
Menteri Pengajian Tinggi

memperbaiki kedudukan universiti tempatan dalam penarafan antarabangsa dan pada masa sama turut memberi penekanan kepada sistem penilaian diperkenalkan kementerian, iaitu Setara.

"Meskipun kita ada sistem sendiri, kita bersedia untuk dinilai supaya tahu kedudukan kita (pada peringkat antarabangsa)," katanya.

Mengenai amanat kemerdekaan yang disampaikan, Mohamed Khaled berkata, pelajar di universiti sebagai golongan yang matang, berilmu serta berpendidikan tinggi, harus memahami kepentingan perpaduan dan saling menghormati rakyat berbilang kaum di negara ini.

Katanya, beliau tidak menerima laporan mengenai sebarang masalah seperti perselisihan atau pergaduhan antara pelajar berlainan kaum di kampus.

Pada majlis sama, Mohamed Khaled selaku Pengurus Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) turut menyampaikan Biasiswa YTAR 2008 kepada 50 pelajar dari IPTA dan IPTS seluruh negara.